

Headline	Tangani HIV Aids cara Islam		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	30 Nov 2012	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	60,000
Page No	37	Readership	180,000
Language	Malay	ArticleSize	191 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,050
Frequency	Daily	PR Value	RM 3,150



Jamil Khir (tengah) merasmikan persidangan Islam dan HIV/ Aids di Kuala Lumpur baru-baru ini.

## Tangani HIV/Aids cara Islam

**RAMAINYA** wanita dan anak-anak kecil menjadi mangsa HIV/ Aids. Masa depan mereka musnah kerana kelalaian dan sikap terlampau mengikutkan nafsu syahwat ibu bapa. Namun, mangsa HIV/ Aids bukan hanya disebabkan oleh hubungan seks rambang, tetapi juga kerana pemindahan darah.

Sejajar dengan itu, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) menganjurkan Persidangan Antarabangsa Islam dan HIV/Aids di Hotel The Royal Bintang, Kuala Lumpur pada 19 hingga 21 November lalu. Persidangan tersebut adalah kerjasama strategik Jakim dan Kementerian Kesihatan, Yayasan Ihtimam Malaysia dan Majlis Aids Malaysia.

Ia juga adalah inisiatif Jakim kesan lanjutan dari *1st International Muslim Leaders Consultation on HIV/Aids* yang diadakan pada 31 Oktober hingga 4 November 2001 di Kampala, Uganda dan juga lanjutan dari *2nd International Muslim Leaders Consultation on HIV/Aids* yang dianjurkan Jakim dan Majlis Aids Malaysia pada tahun 2003 di Kuala Lumpur.

Selain itu, persidangan ini berjaya mencapai objektifnya iaitu:

- Membincang, menyelaras dan menyelesaikan isu berbangkit berhubung permasalahan HIV/Aids dalam kalangan umat Islam serta meningkatkan jaringan pengetahuan dan perkongsian maklumat antara Malaysia dan negara luar;
- Mempromosikan pendekatan Islam dalam menangani masalah ini serta meningkatkan kesedaran dan keyakinan bahawa pendekatan Islam adalah alternatif yang terbaik melalui manual Islam dan HIV/Aids.

Persidangan tersebut dihadiri 300 peserta dari 15 negara dan dirasmikan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Mejar Jeneral Datuk Seri Jamil Khir Baharom.

Resolusinya, persidangan ini dapat membantu usaha kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai model terbaik negara Islam membanteras HIV/Aids. Selain memperkenalkan manual Islam dan HIV/Aids kepada dunia sebagai sumber rujukan, informasi, pendidikan dan panduan untuk kebaikan semua pihak.